

Mudahnya Tulis Wasiat

*Panduan Penulisan Wasiat
Yang Sah Dan Berkuatkuasa*

Ahmad Termizi
Abdullah

MUDAHNYA TULIS WASIAT
PANDUAN PENULISAN WASIAT
YANG SAH DAN
BERKUATKUASA

Oleh :

AHMAD TERMIZI ABDULLAH
www.pustakamizi.com

Hak Cipta Terpelihara © 2020 Ahmad Termizi Abdullah.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan ebook ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada pihak penulis. Kebanyakan gambar digunakan adalah sekadar hiasan tiada kena mengena dengan artikel atau individu itu sendiri.

Diterbitkan oleh Pustaka Mizi

No 29-2 Jalan 3/4C, Desa Melawati, 53100 Kuala Lumpur.

Web : www.pustakamizi.com

Email : mizico@gmail.com

Penafian

Naskah ini dihasilkan untuk memberi pengajaran dan menyalurkan maklumat umum kepada pembaca. Anda mungkin perlu merujuk kepada penasihat atau pengamal profesional untuk sesuatu keputusan yang bersifat khusus untuk diri anda..

Tidak ada jaminan yang diperakukan bahawa maklumat yang terkandung di dalam naskah ini adalah tepat dan lengkap. Pengarang serta penerbitnya dengan ini secara khususnya tidak bertanggungjawab atas apa-apa risiko kehilangan, liabiliti, sama ada secara peribadi atau tidak, yang berlaku akibat penggunaan dan aplikasi kandungan naskah ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Strategi yang disebut di dalam naskah ini mungkin tidak sesuai untuk setiap individu dan tidak dijamin dapat menghasilkan kesan tertentu kepada semua pihak.

Terma Dan Syarat Penggunaan

Ebook ini hanya untuk kegunaan individu pembeli sahaja. Tiada Lesen "Private Label Rights" atau "Master Resale Rights" disertakan pada ebook ini. Oleh itu, anda tidak dibenarkan sama sekali menyalin, mengubah, membuat kelas/seminar menggunakan kandungan ini dan juga tidak dibenarkan menyebarkan ebook ini secara percuma atau menjualnya kembali sama ada dalam bentuk ebook atau bercetak.

ISI KANDUNGAN

Pendahuluan

Bab 1 : Apa itu wasiat

Bab 2 : Rukun dan Syarat Wasiat

Bab 3 : Kandungan Wasiat

Bab 4 : Statut Tentang Wasiat Orang Islam

Bab 5 : Tiada Wasiat Kepada Waris

Bab 6 : Wasiat Kepada Waris Dengan Izin Waris

Faraid Yang Lain

Bab 7 : Wasiat Kepada Waris, Kemudiannya Menjadi

Bukan Waris

Bab 8 : Wasiat Kepada Bukan Waris, Kemudiannya

Menjadi Waris

Bab 9 : Wasiat Kepada Waris Tanpa Izin Waris

Faraid Yang Lain

Bab 10 : Wasiat Ketika Sakit

Bab 11 : Dokumentasi Wasiat

Bab 12 : Penyaksian dan Penyimpanan Wasiat

Bab 13 : Pengurusan Harta Pusaka Bagi Kematian

Berwasiat

Bab 14 : Kesimpulan

Bab 15 : Contoh Surat Wasiat

Penutup

PENDAHULUAN

Hi! Nama saya Ahmad Termizi Abdullah.

Tujuan saya menulis ebook ini adalah untuk menerangkan kepada anda tentang cara penulisan wasiat supaya wasiat yang anda tulis adalah sah dan berkuatkuasa.

Saya adalah seorang peguam yang fokus tentang hal-ehwal pusaka orang Islam. Saya telah menulis sebanyak 18 buah buku berkaitan perancangan pewarisan, harta pusaka, pembahagian pusaka secara faraid, dokumentasi hibah, wasiat, pengurusan dan pentadbiran harta pusaka, dan segala yang berkaitan hal-ehwal pusaka orang Islam dari segi undang-undang Islam dan amalan guaman di negara kita.

Harapan saya agar pembaca yang membaca e-book ini akan mampu menulis wasiat mereka sendiri secara sah dan boleh dikuatkuasakan tanpa perlu mereka menghabiskan wang yang banyak membayar kepada pihak-pihak lain sedangkan anda mampu menulisnya sendiri.

Saya sedar bahawa bukan semua di kalangan kita mampu membayar upah peguam atau membayar yuran syarikat-syarikat amanah yang memberikan khidmat penulisan wasiat. Anda mampu menulisnya sendiri dengan yakin bahawa wasiat anda adalah sah dan boleh dikuatkuasakan selepas anda meninggal nanti.

Sekian.

Ahmad Termizi Abdullah

012-6211796

mizico@gmail.com

BAB 1 : APA ITU WASIAT

Saya terangkan dulu apa itu wasiat.

Wasiat bermaksud satu perbuatan kebajikan dengan suatu hak yang terlaksana selepas kematian. Secara ringkasnya, wasiat ialah pindah milik harta atau manfaat untuk beramal jariah kepada bukan ahli waris dan hanya setakat $\frac{1}{3}$ daripada nilai harta dan kuat kuasa pindah milik tersebut selepas kematian pemilikinya. Bukan ahli waris yang dimaksudkan ialah individu atau pertubuhan seperti anak angkat, cucu atau rumah anak yatim dan badan-badan kebajikan.

Wasiat berasal daripada perkataan “*wa-sa-ya*” yang bermaksud menyampaikan sesuatu.

Secara mudanya, wasiat ialah pesanan tentang hasrat atau keinginan untuk menyerahkan sebahagian daripada harta kepunyaan secara sukarela kepada seseorang individu yang lain yang berlaku setelah kematian pemilik harta tersebut, sama ada ia merupakan mata-benda (*'ayn*) atau manfaat.

Wasiat tidak boleh diberikan kepada waris pusaka dan ditegah oleh hadis: “*Tiada wasiat kepada waris.*”

Nilai harta yang diwasiatkan hendaklah tidak melebihi daripada satu per tiga ($\frac{1}{3}$) harta, dan pindah milik harta berdasarkan wasiat hanya berkuat kuasa selepas kematian pewasiat.

Wasiat boleh juga dilakukan bagi melantik *wasi* (pemegang amanah) atau pengurus kepada harta pusaka.

Melakukan wasiat sangat dituntut sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan tidak sepatutnya tidur dua malam berturut-turut melainkan dia menulis wasiat di sisinya.”

Oleh itu, seseorang perlu meninggalkan wasiat khususnya waris yang mempunyai hubungan darah yang terhalang daripada menerima harta pusaka seperti *dhu arham*, anak angkat dan juga waris yang berlainan agama.

Harta wasiat ini dibahagikan setelah dilangsaikan segala hutang-piutang si mati berdasarkan nas al-Quran, surah al-Nisa'(4), ayat 11, 12, dan 176, yang bermaksud:

“(Pembahagian harta pusaka diselesaikan) selepas dilaksanakan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati dan selepas dibayarkan hutangnya.”

Ayat al-Qur'an tentang wasiat terdapat pada dua ayat iaitu ayat 180 dan 240 daripada *Surah al-Baqarah* (2).

Sekiranya mendapat keizinan daripada semua waris, kadar wasiat boleh diperluaskan sehingga melebihi daripada nilai satu per tiga (1/3)

atau sehingga keseluruhan harta pusaka.

Majoriti ahli-ahli fekah (*jumhur fuqaha*) Ahli Sunnah berpandangan keizinan ini mesti diperoleh selepas kematian pewaris dan bukan sebelumnya.

Hal ini kerana hak para waris ke atas harta pusaka hanya wujud selepas kematian pemilik harta.

Persetujuan waris selepas itu menunjukkan kerelaan hati mereka sepenuhnya ke atas hak yang mereka memilikinya secara benar.

Bagaimanapun Mazhab *Syi'ah Ithna 'Asyariyyah* berpandangan keizinan ini boleh berlaku sama ada sebelum atau selepas kematian pewasiat.

Untuk pastikan wasiat yang anda tulis itu sah dari sudut syara', anda hendaklah faham terlebih dahulu tentang rukun dan syarat wasiat.

Jadi, pada bab seterusnya penulis terangkan secara ringkas tentang rukun dan syarat wasiat bagi menjadikan wasiat yang anda tulis menepati segala rukun dan syarat sah sesuatu wasiat.

BAB 2 : RUKUN DAN SYARAT WASIAT

Rukun wasiat ialah:

- i. Pemberi wasiat (anda yang tulis wasiat)
- ii. Penerima wasiat (orang atau institusi yang terima wasiat anda)
- iii. Harta yang diwasiatkan
- iv. Sighah (lafaz ijab bagi wasiat)

Syarat pemberi wasiat ialah:

- i. Berakal (tidak gila)
- ii. Baligh (18 tahun, tidak bodoh-*safih*)
- iii. Tiada paksaan (tiada pengaruh yang tidak wajar, bukan semasa menjelang kematian (*maradul maut*), dsb.).

Syarat penerima wasiat ialah:

- i. Penerima wasiat mesti hidup semasa pewasiat meninggal dunia.
- i. Penerima wasiat mestilah bukan waris faraid kepada pewasiat.
- i. Janin boleh menjadi penerima wasiat jika disahkan hidup selepas dilahirkan.

Syarat harta yang diwasiatkan ialah:

- i. Bukan barangan yang haram seperti khinzir, arak, dan sebagainya.
- i. Barangan yang diwasiatkan mesti ditentukan secara spesifik oleh pemberi wasiat, bukan secara umum. Tidak boleh wasiat

contohnya: “salah satu kereta”, atau “mana-mana rumah”, dan sebagainya.

i. Harta yang diwasiatkan untuk diagihkan hendaklah tidak lebih dari 1/3 dari keseluruhan nilai harta peninggalan pewasiat. Nilai 1/3 ini dikira semasa pewasiat meninggal dunia.

Sighah dalam wasiat hanyalah ijab semasa hidup pewasiat. Kabul penerima wasiat hanya dikira selepas pewasiat meninggal dunia.

Pewasiat boleh menarik balik wasiat pada bila-bila masa semasa hidup pewasiat. Anda boleh pinda wasiat yang anda tulis bila-bila masa.

Wasiat juga dikira sebagai ditarik balik apabila pemberi wasiat menggunakan atau melupuskan harta yang diwasiatkan seperti menjualnya atau memberikan harta wasiat kepada pihak lain semasa hidupnya.

Penerima wasiat boleh untuk menolak daripada menerima harta yang diwasiatkan kepadanya selepas pemberi wasiat meninggal dunia.

Sekarang kita lihat apakah kandungan-kandungan yang selalunya terdapat dalam satu-satu wasiat.

BAB 3 : KANDUNGAN WASIAT

Dalam sesuatu wasiat, perkara yang paling utama adalah perlantikan wasi (penjaga amanah bagi harta pewasiat selepas pewasiat meninggal dunia). Bahkan sesetengah dokumen wasiat hanya

mengandungi klausa tentang perlantikan wasi sahaja. Dokumen wasiat sebegini dikenali sebagai *wisoyah*.

Wasi ialah pentadbir, atau pemegang amanah dan bertanggungjawab untuk menguruskan harta pusaka pewasiat selepas pewasiat meninggal dunia.

Wasi boleh sahaja terdiri daripada syarikat amanah, majlis agama Islam negeri, peguam, atau mana-mana individu yang diyakini oleh pewasiat sebagai pihak yang mampu menguruskan harta pusaka pewasiat. Terdapat juga sesetengah wasiat yang membuat perlantikan wasi gantian sebagai alternatif sekiranya wasi yang asal meninggal dunia terlebih dahulu sebelum pewasiat.

Wasi yang dilantik melalui wasiat walau bagaimanapun tidak mengatasi perlantikan wasi melalui dokumen atau instrumen yang lebih khusus, contohnya perlantikan wasi mengikut penamaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), penamaan pentadbir (wasi) dalam penamaan takaful, penamaan Tabung Haji, dan sebagainya. Maksudnya, perlantikan wasi dalam dokumen wasiat yang kemudiannya disahkan oleh Mahkamah Tinggi dalam geran probet hanyalah untuk harta pusaka yang tiada perlantikan wasi secara khusus.

Oleh hal yang demikian, jika terdapat pertindihan antara wasi dalam dokumen wasiat / geran probet dan perlantikan wasi dalam penamaan KWSP, maka untuk pengurusan pusaka wang KWSP si mati, wasi yang dilantik mengikut Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 lebih mengatasi.

Pentadbir (wasi) berhak mengambil sebahagian harta pusaka pewasiat sebagai upahnya berkhidmat sebagai pentadbir (wasi). Upah bagi wasi hendaklah tidak melebihi jumlah 5% dari keseluruhan harta yang ditinggalkan oleh pewasiat. Selalunya, syarikat-syarikat amanah mengenakan caj sekitar 2% dari keseluruhan harta peninggalan pewasiat sekiranya mereka dilantik sebagai wasi untuk

mereka menguruskan wasiat si mati, mendapatkan geran probet di Mahkamah Tinggi dan melaksanakan tugas-tugas wasi sebagaimana dalam surat wasiat. Upah ini akan ditolak dari harta pusaka yang ditinggalkan oleh pewasiat selepas pewasiat meninggal dunia.

Caj yang dikenakan pada peringkat awal hanyalah caj bagi penyediaan dokumen wasiat, bukannya caj menjalankan kerja wasi selepas pewasiat meninggal dunia.

Jadi, dengan membaca buku ini, anda boleh sediakan sendiri wasiat anda, dan anda sudah boleh menjimatkan wang bagi penyediaan dokumen wasiat. Wasi hanya akan dikenakan caj bagi menjalankan kerjanya selaku wasi selepas anda meninggal, dan itupun diambil daripada harta pusaka anda selepas anda meninggal dunia.

Jadi, dengan membaca buku ini, anda akan dapat sediakan dokumen wasiat secara sendiri dengan yakin, tanpa kos, wasiat yang sah dan berkuatkuasa. Terus membaca.

Selain itu, wasiat selalunya disusuli dengan perlantikan wali harta (*wali mal*) bagi waris kanak-kanak bagi pewasiat. Perlantikan wali harta ini penting dalam pengurusan harta pusaka si mati.

Isteri si mati, iaitu penjaga diri kanak-kanak bukanlah secara automatik terlantik sebagai wali harta kepada kanak-kanak. Jika tiada perlantikan wali harta dalam wasiat si mati, maka permohonan untuk menjadi penjaga (*wali*) harta perlu dibuat semasa bicara pusaka si mati.

Dari segi prioriti keutamaan, bapa dan seterusnya bapa kepada bapa kanak-kanak (datuk sebelah bapa) adalah penjaga (*wali*) harta utama dan terdekat kepada kanak-kanak. Dari segi praktis, selepas datuk sebelah bapa kanak-kanak, selalunya Amanah Raya Berhad (ARB) yang akan dilantik sebagai wali harta kepada kanak-kanak. Wali harta bagi kanak-kanak perlu membantu penjaga diri kanak-kanak dan melepaskan jumlah wang yang munasabah bagi kegunaan dan

kebajikan kanak-kanak yang dijaga oleh penjaga diri kanak-kanak tersebut.

Sebab itulah kita banyak mendengar isu antara penjaga diri dan penjaga (*wali*) harta kanak-kanak apabila pihak-pihak ini tidak bekerjasama. Yang malang adalah kanak-kanak itu sendiri.

Oleh hal yang demikian, bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini, pewasiat boleh terus melantik penjaga (*wali*) harta bagi waris kanak-kanak pewasiat dalam surat wasiat.

Seterusnya kandungan wasiat boleh jadi mengandungi cara pembahagian bagi 1/3 harta pewasiat. Pewasiat boleh mewasiatkan pembahagian harta selepas mati pewasiat kepada bukan waris faraid pewasiat setakat 1/3 bahagian daripada harta peninggalan pewasiat.

Pewasiat boleh memilih untuk mewasiatkan harta kepada anak angkat, kepada anak susuan, kepada ahli keluarga yang bukan Islam, atau boleh juga melakukan amal jariah dengan mewakafkan 1/3 hartanya.

Seterusnya kandungan-kandungan lain dalam sesuatu wasiat selalunya berisi nasihat dan pesanan. Nasihat dan pesanan ini tidak mengikat waris-waris dan pihak-pihak yang dinyatakan dalam wasiat.

Kita selalu juga dimomokkan dengan cerita seperti arwah nenek mewasiatkan supaya cucu perempuan kesayangannya berkahwin dengan si fulan atas sebab jasa si fulan kepada keluarga mereka. Wasiat sebegini bukanlah wasiat dalam maksud yang sebenar dan tidak mengikat pihak-pihak.

Jangan pula tulis wasiat seperti contohnya: "*Saya mewasiatkan agar anak perempuan bongsu saya berkahwin dengan peguam penulis wasiat saya ini.*" Ini adalah contoh wasiat yang mengarut. Ini menyusahkan anak perempuan anda dan menyusahkan peguam tu pula.

Ingat, kita tulis wasiat ikut landasan syariah, bukan tulis wasiat ikut adat yang entah apa-apa.

Sekiranya terdapat kekeliruan atau pertikaian tentang sama ada wasiat itu sah atau tidak, satu permohonan pengesahan wasiat boleh dibuat di mahkamah syariah.

BAB 4: STATUT TENTANG WASIAT ORANG ISLAM

Semasa buku ini ditulis, hanya terdapat enam (6) buah negeri sahaja di Malaysia ini yang menggubal dan meluluskan enakmen wasiat di negeri masing-masing. Sehingga ke hari ini, Wilayah Persekutuan sendiri belum meluluskan Akta Wasiat Orang Islam. Sepatutnya Wilayah Persekutuan yang berada di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan patut memulakan langkah, malangnya fakta menunjukkan bahawa Wilayah Persekutuan memang agak lambat dalam penggubalan undang-undang bertulis tentang wasiat orang Islam.

Bukan penulis nak tuduh sebarangan, penulis berdasarkan fakta yang akan penulis buktikan.

Enam (6) buah negeri yang penulis maksudkan, dan penulis susun dari segi kronologi tarikh kelulusan adalah sebagaimana berikut:

- 1.Selangor pada tahun 1999, kemudiannya pindaan dibuat pada tahun 2016;
- 1.Negeri Sembilan pada tahun 2004;
- 1.Melaka pada tahun 2005;
- 1.Kelantan pada tahun 2009;
- 1.Pahang pada tahun 2017; dan
- 1.Sabah pada tahun 2018.

Apa yang lebih menarik tentang penggubalan enakmen-enakmen wasiat orang Islam ini ialah tentang terdapat perbezaan peruntukan

antara negeri-negeri terbabit.

Secara ringkasnya, penulis dapat rumuskan bahawa Selangor telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor 1999 (ini pada zaman Dr. Khir Toyo menjadi Menteri Besar Selangor) yang telah membuat peruntukan khusus tentang wasiat kepada waris, dan wasiat wajibah.

Dua peruntukan khusus ini iaitu wasiat kepada waris dan *wasiat wajibah* yang diperkenalkan dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 adalah satu pembaharuan undang-undang tentang wasiat di negara kita.

Negeri Sembilan, dan Melaka masing-masing dilihat hanya meniru Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 kecuali dengan meminda beberapa istilah sahaja. Cumanya, Negeri Sembilan, dan Melaka, tidaklah meniru secara salah seksyen 27(2), dan seksyen 27(3) Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor 1999 (sebelum pindaan 2016) yang terdapat perbezaan antara versi bahasa Melayu dengan versi bahasa Inggerisnya.

Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 banyak dikaji, dan banyak juga dirujuk di mahkamah-mahkamah syariah di Negeri Selangor.

Oleh sebab terdapat kritikan, akhirnya Negeri Selangor telah akur dan meminda enakmen wasiat orang Islam mereka pada tahun 2016. Pindaan terbesar adalah pada isu wasiat kepada waris, dan *wasiat wajibah*. Terdapat juga beberapa pindaan tentang definisi dan beberapa perkara lain.

Negeri Pahang selepas itu pada tahun 2017 telah menggubal enakmen wasiat orang Islam berdasarkan roh pindaan terbaru yang dibuat oleh Negeri Selangor.

Malangnya, sehingga ke hari ini, Negeri Sembilan, dan Melaka, masih belum membuat pindaan bagi menurut roh pindaan Negeri Selangor. Sama ada dua (2) negeri ini masih tidak cakna dengan pindaan yang dibuat oleh negeri Selangor, atau memang dua (2) negeri ini memang mahu mengekalkan pendirian mereka terhadap isu wasiat kepada waris, dan *wasiat wajibah* yang telah diperuntukan dalam enakmen masing-masing, tidaklah penulis ketahui.

Apa yang menarik, negeri Sabah pada tahun 2018 telah meluluskan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sabah 2018 tetapi tidak pula menurut jejak langkah negeri Selangor dan Pahang, sebaliknya negeri Sabah seolah-olah mempunyai pandangannya yang tersendiri tentang isu wasiat kepada waris dan *wasiat wajibah*.

Walhasilnya, dapatlah penulis ringkaskan bahawa secara peruntukan undang-undang, kita ada dua peruntukan yang berbeza tentang isu wasiat kepada waris, dan *wasiat wajibah* dan dua blok tersebut adalah Negeri Selangor bersama Kelantan, dan Pahang, manakala blok yang satu lagi adalah Negeri Sembilan, Melaka, dan Sabah.

Negeri-negeri lain yang belum menggubal dan meluluskan enakmen wasiat orang Islam akan berada dalam blok yang mana, atau akan mencipta blok yang tersendiri? Tunggu dan lihat, entah sampai bila, hanya Allah Yang Maha Megetahui.

Di blok mana sekalipun, penulis berpendapat wujudnya statut tentang wasiat orang Islam adalah jauh lebih baik daripada tiada langsung statut mengenai wasiat orang Islam.

BAB 5 : TIADA WASIAT KEPADA WARIS

Dalam bab ini penulis akan membincangkan tentang isu tiada wasiat kepada waris. Ini adalah prinsip umum dalam wasiat orang Islam.

Walau bagaimanapun, setelah anda membaca keseluruhan ebook ini, anda akan dapati tentang cara penulisan wasiat kepada waris jika memang anda berhasrat nak wasiatkan pembahagian harta anda kepada waris anda sendiri.

Baca sehingga habis. Di akhir ebook ini, penulis sediakan template penulisan wasiat. Tetapi, jangan langkau, sebab jika anda tidak faham secara keseluruhan, penulis bimbang akan timbulnya salah faham kepada pembaca.

Jadi, baca dan hadam satu-persatu. Insya-Allah.

Sekiranya seseorang yang berharta itu hendak berwasiat menentukan bahagian hartanya bagi warisnya sebelum matinya supaya jangan berkelahi mereka itu selepas kematian pewasiat, maka perkara tersebut tidak diharuskan oleh *syara'*.

Misalnya seseorang itu mempunyai RM5,000 yang akan ditinggalkannya, Maka, dia pun berwasiat, dan menulis wasiatnya:

“Aku berwasiat hartaku RM5,000 itu supaya diberikan kepada anakku Fatimah sebanyak RM3,000, dan anakku Hasan sebanyak RM2,000.”

Maka, wasiat yang sebegitu ditegah oleh *syara'* dan tidak terpakai wasiatnya kerana *syara'* telah menentukan pusaka yang ditinggalkan bagi setiap warisnya.

Maka tiadalah boleh orang yang hendak mati itu berwasiat memberikan kepadanya warisnya yang ini banyak, dan warisnya yang ini sedikit.

Dalil yang menunjukkan atas tegahan yang demikian itu ialah hadis yang dikeluarkan oleh Abu 'Isa At-Tirmidzi, dengan katanya:

“Diriwayatkan daripada seorang sahabat bagi Nabi SAW, namanya Abi Umamah Al-Bahili RA, katanya: Telah aku dengar Rasulullah SAW bersabda di dalam khutbahnya pada tahun Hajjatul Wada': “Bahawasanya Allah Ta'ala telah memberi bagi setiap orang yang mempunyai hak itu akan haknya.”

Ini bermaksud bahawa setiap waris masing-masing sudah difardhukan dan ditakdirkan mendapat habuan faraid, contohnya sebagaimana firman Allah SWT:

“...Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan...” (Surah al-Nisa’ (4): Ayat 11)

Apabila Allah telah tentukan di dalam al-Quran tentang hak habuan masing-masing bagi setiap waris, maka tiada siapa lagi boleh berwasiat kepada waris, selarilah dengan sabda Nabi SAW:

“Maka tiada wasiat bagi waris.”

Jadi, macamana kalau kita nak bahagi harta kita kepada waris kita melalui jalan wasiat?

Kita nak bahagikan kepada mereka selepas kita mati. Kita masih nak gunakan harta kita semasa kita hidup.

Jangan bimbang, ada caranya. Baca sampai habis. Tidak menyesal anda membeli ebook ini.

BAB 6 : WASIAT KEPADA WARIS DENGAN IZIN WARIS FARAID YANG LAIN

Persoalan timbul tentang wasiat kepada waris dengan izin waris yang lain yang mempunyai hak faraid atas harta pusaka si mati.

Ulama' berbeza pandangan mengenai masalah ini kepada dua pendapat:

Pendapat pertama: Wasiat yang ditinggalkan kepada ahli waris adalah **batil secara mutlak** walaupun mendapat kebenaran daripada seluruh ahli waris.

Ini adalah pendapat dalam mazhab Imam Malik, pendapat kedua dalam mazhab Imam asy-Syafi'e dan satu riwayat dalam mazhab Imam Ahmad.

Mereka berhujah dengan beberapa hujahan, antaranya ialah:

1. Zahir makna hadith:

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah SWT telah menentukan setiap yang mempunyai hak (ahli waris) akan mendapat hak mereka. Maka, tidak ada wasiat kepada ahli waris”*

Riwayat Abu Daud (2870), Ibn Majah (2210), dan Ahmad (286)

2. Ini kerana pemberian wasiat kepada sebahagian ahli waris akan memberi kemudharatan kepada ahli waris yang lain. Allah

telah melarang perbuatan ini dalam firman-Nya:

Maksudnya: *“Sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris)”*.

Surah an-Nisa’ (4): 12

Pendapat Kedua: Wasiat yang ditinggalkan kepada ahli waris adalah **sah jika mendapat persetujuan daripada ahli waris lain selepas kematian orang yang meninggalkan wasiat.**

Jika mendapat persetujuan hanya sebahagian daripada ahli waris, maka wasiat yang ditinggalkan hanya sah mengikut kadar ahli waris yang membenarkannya.

Ini adalah pendapat muktamad dalam mazhab Imam asy-Syafi’e, mazhab Imam Ahmad dan satu pendapat dalam mazhab Imam Malik.

Hujah para *fuqaha’* yang membenarkan wasiat kepada waris dengan syarat seperti di atas adalah seperti berikut:

1. Hadith Nabi SAW:

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah SWT telah menentukan setiap yang mempunyai hak (ahli waris) akan mendapat hak mereka. Maka, tidak ada wasiat kepada ahli waris”*

Riwayat Abu Daud (2870), Ibn Majah (2210), dan Ahmad (286)

Hadith ini dapat difahami bahawa tidak boleh meninggalkan wasiat kepada ahli waris jika ahli waris tidak mendapat haknya dan tidak redha akan pembahagian harta yang mengurangkan haknya.

Namun, jika ahli waris redha dengan bahagian yang diperolehinya dan membenarkan wasiat kepada ahli waris lain ditunaikan, maka harus meninggalkan wasiat kepada ahli waris lain.

2. Hadith Nabi SAW:

Maksudnya: *“Tidak harus meninggalkan wasiat kepada waris kecuali dengan keizinan waris”*

Riwayat ad-Daruqutni (4295)

Imam as-Suyuti, Imam al-Baihaqi dan Imam ibn Mulaqqin *Rahimahumullah* menghukum hadith ini sebagai lemah, manakala Imam adz-Zahabi *Rahimahullah* pula mengatakan sanad hadith ini baik dan Atho' seorang yang *sodug*.

3. Qias wasiat kepada ahli waris ke atas wasiat kepada bukan ahli waris yang melebihi daripada satu pertiga ($1/3$) daripada harta tinggalan si mati.

Wasiat kepada bukan ahli waris melebihi satu pertiga daripada harta tinggalan si mati adalah harus jika mendapat kebenaran daripada ahli waris, begitulah juga hukumnya harus untuk mewasiatkan kepada ahli waris jika mendapat kebenaran daripada ahli waris lain.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan berpandangan bahawa **harus** untuk mewasiatkan sebahagian harta kepada ahli waris jika mendapat persetujuan dan kebenaran daripada ahli waris lain.

Namun begitu, Sahibus Samahah Dr Zulkifli Al-Bakri (pada masa itu beliau adalah Mufti Wilayah Persekutuan, semasa ebook ini ditulis, beliau adalah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab tentang Agama Islam) berpesan bahawa jika tiada

keperluan yang mendesak untuk meninggalkan wasiat kepada sebahagian daripada ahli waris, maka adalah lebih baik tidak berbuat demikian.

Ini bagi mengelakkan pertengkaran yang tidak diingini berlaku di antara ahli waris selepas kematian orang yang meninggalkan wasiat.

Pejabat Mufti juga berpesan bahawa apa-apa wasiat yang ingin ditinggalkan hendaklah didokumentasikan sebaiknya. Ini bagi mengelakkan berlakunya pertikaian di kemudian hari.

Sementara itu Qasthalani di dalam *Irsyad As-Sari* berkata:

Dan telah mengambil hujah dengan hadis “*Tiada wasiat kepada waris*” itu oleh orang yang berkata dengan tiada sah wasiat bagi waris semata-mata jikalau diizinkan oleh waris yang mempunyai hak sekalipun. Maka dengan dialah berkata Al-Muzani dan Daud. Dan telah mengambil hujah oleh jumur akan sah wasiat bagi waris dengan izin yang empunya hak dengan hadis yang ada diriwayatkan daripada ‘Abdullah bin ‘Abbas:

“*Tiada wasiat bagi waris melainkan bahawa mengizinkan oleh segala waris lainnya.*”

Jadi, anda boleh tulis wasiat pembahagian harta kepada waris anda dengan syarat, waris anda redha dengan wasiat anda itu.

Cumanya, keredhaan itu dikira selepas anda meninggal dunia, bukan keredhaan semasa anda hidup.

Lagi satu, siapa itu waris dan siapa bukan waris juga ditentukan selepas pewasiat meninggal dunia, bukan semasa wasiat itu dibuat.

Dua bab seterusnya membincangkan tentang dua situasi iaitu wasiat kepada waris, kemudiannya menjadi bukan waris, dan keduanya, wasiat kepada bukan waris, kemudiannya menjadi waris.

Tujuan penulis huraikan juga contoh-contoh ini bagi pembaca benar-benar memahami tentang siapakah yang dimaksudkan dengan waris, dan siapakah yang dimaksudkan dengan bukan waris, dan bagaimanakah keredhaan mereka itu relevan selepas pewasiat meninggal dunia.

Teruskan membaca. Anda sudah semakin faham.

BAB 7 : WASIAT KEPADA WARIS, KEMUDIANNYA MENJADI BUKAN WARIS

Apabila seseorang berwasiat kepada ahli warisnya, dan ketika dia meninggal dunia, penerima wasiat tersebut tidak lagi menjadi ahli waris, maka wasiat tersebut adalah sah.

Hal ini adalah kerana waktu yang dijadikan ukuran sama ada seseorang itu menjadi ahli waris atau bukan adalah ketika meninggalnya pewasiat, bukan ketika wasiat itu dibuat.

Misalnya, seseorang berwasiat kepada saudara kandung lelaki (pada masa tersebut adalah ahli waris), namun kemudian pewasiat ada melahirkan anak lelaki. Maka saudara kandung lelaki tersebut statusnya tidak lagi sebagai ahli waris, hukum wasiat kepada saudara kandung lelaki tersebut adalah tetap sah.

Saudara kandung lelaki tersebut dianggap sebagai bukan waris kerana dari segi faraid, saudara kandung itu sudah terdinding atau terhalang dari menerima faraid oleh sebab si mati sudah mempunyai anak lelaki yang menjadi waris *'asabah* (waris yang menghabiskan harta pusaka).

BAB 8 : WASIAT KEPADA BUKAN WARIS, KEMUDIANNYA MENJADI WARIS

Misalnya, seseorang memiliki anak lelaki dan saudara kandung lelaki. Lalu dia berwasiat kepada saudara kandung lelaki tersebut (dalam kes ini saudara kandung lelaki bukan termasuk sebagai ahli waris, sebab dia terdinding oleh anak lelaki), namun kemudian anak lelaki tersebut meninggal dunia, maka saudara kandung lelaki (yang sebelumnya terdinding) statusnya berubah menjadi ahli waris.

Maka dalam hal ini, wasiat tersebut hukumnya tidak sah. Sebab, ketika pewasiat meninggal dunia, saudara kandung lelakinya tersebut itu berubah status menjadi ahli waris, menjadikan wasiat itu terbatal. Oleh hal yang demikian, saudara kandung lelakinya itu tadi mendapat bahagian faraid.

Kaedah yang digunakan dalam ukuran sama ada seseorang itu sebagai ahli waris atau bukan ahli waris adalah ketika meninggalnya pewasiat, bukan ketika wasiat itu dibuat.

Ok, kita sudah faham kedua-dua situasi.

Sekarang penulis ingin bawa pembaca sekalian kepada situasi, bagaimana jika kita menulis wasiat kepada ahli waris TANPA izin waris-warid faraid yang lain selepas pewasiat meninggal dunia.

Ada perbahasannya. Teruskan membaca. Syabas.

BAB 9 : WASIAT KEPADA WARIS TANPA IZIN WARIS FARAID YANG LAIN

Kita sudahpun membahaskan mengenai wasiat adalah tidak dibolehkan kepada sesama ahli waris. Ini adalah kerana ahli waris sudah pun mendapat bahagian mereka melalui pembahagian faraid daripada harta si mati.

Walau bagaimanapun, terdapat pendapat yang lain yang mengatakan bahawa wasiat adalah sah setakat satu pertiga ($1/3$) daripada harta

si mati, walaupun tanpa izin waris faraid yang lain.

Ulama' telah menggariskan dua (2) syarat utama bagi menjadikan sesuatu wasiat itu sah dan berkuatkuasa iaitu seperti berikut:

1. Wasiat tidak melebihi daripada satu pertiga ($1/3$) harta; dan

1. Wasiat tidak boleh diberikan kepada para waris.

Bagi syarat wasiat tidak melebihi daripada satu per tiga ($1/3$) harta, ianya adalah jelas berdasarkan nas daripada hadis Nabi s.a.w. diantaranya Rasulullah s.a.w. menjelaskan bahawa cukuplah bagi Sa'ad bin Abi Waqqas mewasiatkan harta sebanyak satu pertiga ($1/3$) dengan menyatakan:

“Satu pertiga dan satu pertiga itu adalah banyak”.

Tujuan sekatan ini adalah kerana lebih baik meninggalkan ahli waris dalam keadaan kaya daripada membiarkan mereka dalam keadaan miskin berdasarkan maksud hadis:

“(Meninggalkan waris dalam keadaan kaya lebih baik) daripada meninggalkan mereka kemiskinan sehingga meminta-minta daripada manusia”.

Bagi syarat wasiat tidak boleh diberikan kepada para waris, sebahagian ulama' berhujah bahawa apabila turunnya ayat mengenai pusaka yang terkandung di dalam ayat 7, 11, 12, dan 176 daripada surah al-Nisa' (4), ayat-ayat pusaka ini mengambil peranan wasiat

kepada waris menerusi kaedah penentuan langsung hak ke atas harta si mati oleh Allah s.w.t.

Amalan wasiat sebelum turunnya ayat-ayat di atas, iaitu hukum wasiat kepada para waris adalah harus dan ini diamalkan secara meluas sehingga ada yang beranggapan bahawa wasiat kepada ahli waris adalah wajib berdasarkan firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Baqarah, ayat 180 yang bermaksud:

“Telah diwajibkan ke atas kamu, apabila seseorang di antara kamu telah mendekati kematian, jika ia meninggalkan harta yang banyak, supaya berwasiat untuk ibu bapanya dan kaum kerabatnya dengan cara yang baik, sebagai kewajipan atas orang-orang yang bertakwa.”

Hujah tentang ayat di atas telah dihapuskan (*nasakh*) apabila turunnya ayat-ayat mengenai pusaka, dikuatkan lagi dengan hadis daripada Abu Umamah al-Bahili:

“Sesungguhnya Allah telah menentukan hak tiap-tiap ahli waris, maka tidak ada hak wasiat lagi bagi seorang ahli waris.”

Walau bagaimana pun, terdapat empat (4) pandangan yang bebeza di kalangan ulama' berkaitan pentakrifan tentang 'tidak ada hak wasiat bagi seorang waris' sebagaimana berikut:

1. Mazhab Maliki, sebahagian daripada pandangan Mazhab Syafi'i, Abu Dawud, sebahagian Mazhab Hanbali dan Mazhab Isma'iliyyah berpandangan wasiat kepada waris adalah tidak sah sekalipun dibenarkan oleh para waris yang lain.

Antara negara yang mengamalkan pandangan ini ialah Morokko.

1. Imam Ahmad bin Hanbal, Ibnu Jarir, Ibn Hazm, sebahagian ulama' Mazhab Syafi'i dan Zaydiyyah berpandangan wasiat kepada waris adalah sah jika waris tersebut bukan waris yang menerima pusaka.

1. Imam Abu Hanifah, sebahagian Syafi'iyyah dan Hanbaliyyah berpandangan wasiat kepada waris bergantung kepada kebenaran waris-waris pusaka yang lain sama ada membenarkan atau tidak.

Antara negara-negara yang mengamalkan pandangan ini ialah Tunisia, Somalia, Algeria, dan Indonesia.

1. Imam al-Hadi, al-Nasir, Abu Talib dan Abu al-Abbas daripada Zaydiyyah dan Mazhab Imamiyyah sepakat mengharuskan wasiat kepada waris pusaka sekiranya kurang daripada satu pertiga harta walaupun tanpa mendapat kebenaran waris yang lain.

Antara negara-negara yang mengamalkan pandangan ini ialah Mesir, Sudan, Syria, Emiriah Arab Bersatu, Iraq, dan Iran.

Penggubalan undang-undang wasiat di sebahagian besar negara Islam Timur Tengah secara umumnya membenarkan wasiat kepada waris.

Wasiat kepada waris yang kurang kadar satu per tiga ($1/3$) akan dianggap sebagai wasiat sunat dan boleh dilaksanakan tanpa memerlukan kebenaran waris yang lain.

Manakala wasiat yang melebihi daripada satu per tiga ($1/3$) harta adalah sah apabila mendapat kebenaran para waris yang lain.

Peruntukan yang membenarkan wasiat kepada waris di negara yang bermazhab Sunni adalah merupakan satu bentuk pembaharuan pandangan fekah di dalam undang-undang wasiat.

Ia bukan sahaja telah mengambil pandangan daripada Mazhab Syi'ah Ithna Asyariyyah malah perubahan ini merupakan kesan pertimbangan sosial dan ijtihad semasa di dalam hukum syarak bagi menjamin kebajikan yang maksimum kepada waris terdekat.

Di Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan dan Sabah, seksyen 11 (2) Enakmen Wasiat Orang Islam negeri-negeri tersebut memperuntukkan bahawa seseorang boleh menentukan bahagian masing-masing warisnya dari harta pusaka dan sekiranya penentuan tersebut melebihi daripada bahagian pusaka, maka ia akan dianggap sebagai "wasiat".

Peruntukan seksyen 11 (2) ini adalah tertakluk kepada seksyen 26 (2) iaitu sesuatu wasiat itu hendaklah tidak melebihi daripada kadar satu per tiga ($1/3$) melainkan kebenaran semua waris diperlukan.

Penggubal undang-undang hanya menyampaikan maksud tersirat (*implied meaning*) menerusi peruntukan seksyen 11 (2) dan 26 (2) bahawa wasiat kepada waris yang kurang daripada satu pertiga ($1/3$) tidak perlu mendapat kebenaran daripada waris yang lain dan wasiat tersebut adalah sah dan boleh dilaksanakan.

Manakala di negeri-negeri lain di Malaysia (tidak termasuk Negeri Selangor dan Pahang yang sudah ada enakmen wasiat orang Islam mereka sendiri), peruntukan wasiat masih berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama masing-masing yang terlalu umum. Pemakaian undang-undang wasiat di negeri-negeri tersebut berdasarkan bidang kuasa mal Mahkamah Tinggi Syariah. Justeru, rujukan berhubung wasiat adalah berdasarkan pandangan fekah yang masih belum digubal di dalam bentuk peruntukan undang-undang.

Kesannya, hukum wasiat kepada waris adalah tidak dibenarkan melainkan mendapat persetujuan ahli waris yang lain.

Di Terengganu contohnya, iaitu fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu pada tahun 1987 menyatakan bahawa wasiat kepada waris yang telah menerima harta pusaka adalah tidak sah melainkan dengan persetujuan waris-waris yang berhak menerima pusaka itu.

Jelaslah bahawa terdapat perbezaan amalan berkaitan wasiat kepada waris di antara negeri-negeri di Malaysia.

Sebagai kesimpulannya, orang-orang Islam di Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, dan Sabah bebas melakukan wasiat kepada ahli waris selagi tidak melebihi kadar satu per tiga (1/3).

Kewujudan pembaharuan undang-undang ini adalah positif bagi mengharmonikan proses pembahagian harta kepada waris dengan lebih saksama serta memudahkan lagi proses pentadbiran pembahagian harta peninggalan si mati.

Ok, harapnya pembaca sudah jelas tentang isu wasiat kepada waris.

Sekarang penulis menambah pula tentang isu menulis wasiat semasa sedang sakit.

BAB 10: WASIAT KETIKA SAKIT

Ramai yang bertanya kepada penulis tentang kesahihan wasiat yang dibuat ketika sakit. Wasiat yang dibuat ketika pewasiat sedang sakit juga kadang-kadang boleh membawa kepada perkelahian sesama pewaris kerana sesetengah waris mempertikaikan kewarasan pewasiat yang berada dalam kesakitan.

Satu permohonan pengesahan wasiat boleh dibuat di mahkamah syariah bagi menentukan sama ada sesuatu wasiat itu sah atau tidak.

Seksyen 61(3)(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan:

"Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dalam bidang kuasa malnya mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan; wasiat atau alang semasa *marad al-maut*."

Dalam peruntukan ini dengan jelas dinyatakan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan berhubung dengan wasiat semasa *marad al-maut*.

Bagi menentukan sama ada wasiat ketika sakit itu sah atau tidak, kita hendaklah meneliti tentang sakit yang dihadapi oleh pewasiat itu sama ada boleh dikategorikan sebagai sakit *marad al-maut* atau bukan.

Secara mudahnya, untuk menentukan sama ada sesuatu sakit itu adalah sakit *marad al-maut* atau bukan, kesaksian (*shahadah*) daripada dua (2) orang doktor muslim lelaki yang adil adalah pembuktian yang terbaik untuk memberi kesaksian (*shahadah*) di mahkamah bahawa sesuatu sakit itu adalah sakit yang telah mengakibatkan kematian pewasiat.

Sekiranya tidak terdapat dua (2) orang doktor muslim lelaki yang adil, saksi-saksi lain juga boleh dipanggil untuk memberi keterangan, tetapi nilai keterangan mereka tidaklah sekuat kesaksian dua (2) orang doktor muslim lelaki yang adil tadi. Keterangan ini hendaklah disokong oleh *qarinah* (keterangan sokongan) seperti laporan perubatan (*kitabiyah*), dan/atau tingkahlaku pewasiat sewaktu sakit.

Ada ulama' yang berpendapat bahawa sekiranya seseorang itu terlantar sakit melebihi setahun, maka sakitnya itu bukanlah sakit kronik yang boleh dikategorikan sebagai sakit *marad al-maut*, tetapi lebih tepat untuk dikategorikan sebagai sakit yang berlarutan/berpanjangan yang mungkin masih ada harapan untuk sembuh. Jika terbukti bahawa sebab kematiannya bukanlah sebab penyakitnya yang berpanjangan tadi, tetapi sebab kematian adalah sebab penyakit baru yang menimpa seseorang pesakit tadi, dan ternyata bahawa semasa dia menurunkan cap jari pada dokumen wasiat contohnya, pesakit tadi adalah masih dalam keadaan sakit berkaitan penyakit lama yang berlarutan yang bukan punca kematiannya, jadi wasiatnya dikira sebagai wasiat seorang yang sihat. Wasiat sebegini adalah sah, walaupun secara zahirnya

pewasiat sedang sakit, kerana itu bukan sakit menjelang kematian (*marad al-maut*).

Sebab itulah penulis katakan di awal tadi bahawa hanya kesaksian (*shahadah*) daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang doktor muslim lelaki yang adil adalah pembuktian yang paling kukuh dalam menentukan sama ada pewasiat dikira sihat atau sakit semasa wasiat dibuat.

Secara sepintas lalu, jika memang pada masa sakit, seseorang itu membuat wasiat dan sakit tersebut adalah sakit yang telah membawanya kepada kematian, itulah sakit *marad al-maut* dan dokumen wasiat tersebut adalah sah setakat satu per tiga (1/3) dari keseluruhan nilai harta pewasiat. Jika pewasiat itu meninggal disebabkan penyakit lain, jadi wasiat tersebut dikira sah walaupun pada masa itu dia terlantar sakit sebab itu bukan sakit *marad al-maut* kerana punca kematiannya adalah daripada penyakit yang lain.

Cumanya ada juga ulama' yang telah mengesahkan bahawa sesetengah penyakit itu dikategorikan sebagai penyakit *marad al-maut* berdasarkan sifat atau keadaan sakit itu sendiri, contohnya seperti yang disenaraikan oleh Syaikh al-'Utsaimin seperti penyakit radang otak, radang selaput dada, sakit jantung, cirit-birit yang berlarutan, keluar darah dari hidung, permulaan lumpuh, akhir dari penyakit TBC, demam yang berlarutan setiap empat (4) hari, orang yang berada di daerah yang sedang terjangkit penyakit taun, dan wanita yang mengalami sakit di saat melahirkan.

Mengikut seksyen 2(1) Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 (Pindaan 2019), *marad al-maut* dinyatakan sebagai "suatu penyakit yang boleh membawa maut yang memenuhi syarat yang berikut:

a.penyakit itu pada lazimnya berakhir dengan kematian;

a.penyakit itu menyebabkan kebimbangan kematian di dalam minda pesakit sehingga menjejaskan kewarasan akal fikiran;

a.hendaklah terdapat beberapa tanda luaran yang menunjukkan bahawa penyakit itu merupakan suatu penyakit yang serius; dan

a.penyakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun.”

Tafsiran *marad al-maut* ini adalah pindaan terhadap Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999. Jika diperhatikan, kita dapati terdapat dua elemen pindaan, iaitu pindaan terhadap struktur ayat, dan penambahan tafsiran baru tentang *marad al-maut* itu sendiri apabila penggubal mengambil kira tahap minda pihak pembuat transaksi.

Dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999, ayat yang digunakan ialah “penyakit itu mestilah menyebabkan kematian si mati”, manakala ayat yang digunakan sekarang ialah “penyakit itu pada lazimnya berakhir dengan kematian”. Ini bermaksud, jika seseorang itu menghidap sejenis penyakit yang pada lazimnya berakhir dengan kematian, maka dia dikira berada dalam keadaan *marad al-maut*, walaupun pada akhirnya dia meninggal dunia bukan disebabkan sakit tersebut. Berlainan dengan struktur ayat terdahulu yang mensyaratkan bahawa penyakit itulah yang menyebabkan kematian si mati.

Hal ini lebih memudahkan elemen *marad al-maut* itu dibuktikan sebab bukanlah penyebab kematian itu yang dipentingkan, tetapi lebih

kepada keadaan penyakit itu sendiri yang pada lazimnya membawa kematian sudah pun memadai dalam pembuktian *marad al-maut*.

Sebagai contoh, pesakit covid-19 pada tahap serius dan kronik, memang lazimnya akan berakhir dengan kematian, maka sudah memadai pesakit itu disabitkan sebagai berada dalam keadaan *marad al-maut*, walaupun mungkin kematiannya itu adalah kerana berlakunya kebakaran di hospital atau berlaku apa-apa kemalangan pada diri pesakit yang membawa kepada kematiannya. Maka faktor kematian sebenar pesakit sudah tidak relevan, yang penting adalah memang sakitnya itu secara lazimnya akan berakhir dengan kematian.

Penambahan satu lagi pada pindaan yang dibuat adalah tentang tahap minda pesakit *marad al-maut*. Ayat terdahulu ialah “penyakit itu mestilah menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda si mati”. Ayat sekarang ialah “penyakit itu menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda pesakit sehingga menjejaskan kewarasan akal fikiran”.

Jika diteliti, pindaan juga dibuat daripada kalimah “si mati” kepada kalimah “pesakit”. Tidak mengapalah pindaan perkataan atau kalimah itu. Hal ini tidak membawa kesan yang besar.

Walau bagaimanapun, perkara yang lebih penting, terdapat tambahan frasa “sehingga menjejaskan kewarasan akal fikiran”. Maknanya, sekiranya *marad al-maut* yang tidak menjejaskan kewarasan akal fikiran pesakit, ia tidak membawa kesan kepada transaksi harta pesakit. Hanya *marad al-maut* yang sehingga tahap menjejaskan kewarasan akal fikiran sahaja yang dianggap sebagai boleh membawa kesan kepada transaksi harta pesakit. Soalnya,

bagaimana piawaian ukuran tahap kewarasan akal fikiran ini boleh dilakukan?

Ada yang berpendapat bahawa seseorang itu dikatakan sebagai tidak waras apabila dia sudah tidak dapat membezakan antara siang dan malam. Walaupun seseorang pesakit itu melakukan solat sambil berbaring, selagi pesakit tersebut dapat membezakan antara siang dan malam, maka dia dikira masih waras. Betulkah begitu?

Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor dalam penghakiman kes *Mahdi bin Ab. Hamid lwn Iqwan bin Yahaya* menyatakan bahawa walaupun si mati mengalami strok sehingga ditahan di wad, namun mahkamah tidak mendapati adanya keterangan yang menunjukkan bahawa terdapat kecacatan pada akal si mati semasa hibah dibuat. Oleh itu, mahkamah mensabitkan hibah yang dibuat kepada defendan oleh si mati dalam keadaan waras dan sedar.

Kes ini dengan jelas membincangkan tentang status dan tahap minda seseorang yang pada adatnya dianggap sedang berada dalam keadaan *marad al-maut*, tetapi rupa-rupanya masih belum *marad al-maut* mengikut kacamata mahkamah.

Dalam alasan penghakiman, Yang Arif Hakim menyatakan bahawa semakan lanjut dibuat dalam kitab *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Juzuk 4, yang mengambil nas daripada perkara 1595 *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*.

Semakan menemukan satu fakta penting tentang keperluan memastikan tahap minda pesakit *marad al-maut* perlu sampai ke tahap yang boleh menjejaskan kewarasan akal fikiran seseorang

yang bertransaksi untuk menghalangnya daripada melakukan transaksi tanpa syarat dan batasan.

Jika melihat kepada statut ini, dan penghakiman dalam kes di atas, dapatlah kita simpulkan bahawa contohnya hanya pesakit covid-19 yang berada dalam keadaan yang akal fikirannya tidak waras sahaja yang boleh dikategorikan sebagai berada dalam keadaan *marad al-maut*. Maka, pesakit-pesakit lain yang dalam keadaan serius atau kronik macamana sekalipun, selagi akalnya waras, maka mereka bukanlah dalam keadaan *marad al-maut*.

Satu lagi penambahan yang dibuat dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 (Pindaan 2016) ialah dengan mewujudkan perenggan (d) bagi memasukkan tempoh masa penyakit *marad al-maut*, iaitu “penyakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun”. Perenggan ini membawa maksud jika sakit tenat yang dialami melebihi tempoh setahun, maka pesakit tersebut dianggap tidak lagi tertakluk di bawah kategori *marad al-maut*.

Peruntukan ini adalah selari dengan pandangan ulama’ yang mengkategorikan bahawa sakit yang melebihi satu tahun adalah sakit yang berpanjangan, dan bukan sakit *marad al-maut*.

Definisi *marad al-maut* yang dinyatakan dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 (Pindaan 2016) ini adalah sama seperti yang termaktub dalam Enakmen Wakaf Selangor 2015.

Semakan penulis pada Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018 juga mendapati penderafan tentang definisi *marad al-maut*

adalah sama seperti yang diluluskan oleh Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, bagi Negeri Sembilan, Melaka, dan Kelantan, setakat pengetahuan penulis, negeri-negeri terbabit masih belum membuat pindaan pada enakmen wasiat orang Islam di negeri masing-masing menjadikan takrifan *marad al-maut* di negeri-negeri terbabit adalah masih seperti definisi *marad al-maut* sebelum pindaan yang dibuat oleh Negeri Selangor.

Untuk lebih jelas tentang definisi *marad al-maut* dalam enakmen wasiat negeri-negeri yang belum membuat pindaan tersebut, penulis salin semula definisi *marad al-maut* dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Kelantan 2009 seperti berikut:

“*marad al-maut*” ertinya penyakit membawa maut yang berhubungan dengan syarat-syarat berikut telah dipenuhi-

a. penyakit itu mestilah menyebabkan kematian si mati;

a. penyakit itu mestilah menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda si mati; dan

a. mestilah terdapat beberapa tanda luaran suatu penyakit yang serius.

Sebagai kesimpulan, dapatlah penulis simpulkan bahawa sakit itu boleh dikategorikan kepada tiga (3) kategori iaitu sakit ringan, sakit *marad al-maut*, dan sakit yang berpanjangan.

Terdapat juga beberapa penulis yang mengategorikan lagi jenis-jenis sakit kepada kategori-kategori yang lain, tetapi bagi penulis, dengan mengklasifikasikan kepada tiga (3) jenis ini pun sudah memadai bagi maksud memberi takrifan yang tepat kepada sakit *marad al-maut*.

Dari segi takrifan *marad al-maut*, kebanyakan ulama' memberikan ciri-ciri tentang keadaan *marad al-maut*. Terdapat takrifan yang lebih umum, manakala terdapat juga takrifan yang lebih terperinci dan ketat.

Takrifan yang lebih terperinci ini telah membawakan situasi hal minda pesakit itu sendiri yang hendaklah penyakit itu mengganggu minda pesakit sehingga seseorang pesakit itu menjadi tidak waras dan melupai urusan keduniaannya.

Kekhawatiran dan kebimbangan terhadap kematian sehingga pesakit membuat keputusan secara pengaruh tidak wajar (*undue influence*) adalah tidak memadai bagi membuktikan *marad al-maut* selagi minda pesakit itu masih waras.

Berdasarkan definisi ini, maka pembuktian *marad al-maut* menjadi lebih komplikated kerana bagi penulis, hanya dua (2) orang doktor muslim yang adil sahaja yang boleh memberi keterangan secara penyaksian (*shahadah*) tentang sama ada seseorang pesakit itu masih waras atau sudah tidak siuman semasa melakukan transaksi (*tasarruf*) atas hartanya seperti transaksi hibah atau wasiat.

Maka pesakit covid-19 contohnya, secara umum itu belum boleh dikatakan sebagai berada dalam keadaan *marad al-maut*,

sehinggalah berjaya dibuktikan bahawa hanya pesakit yang sudah terganggu minda mereka menjadikan mereka sudah lupa urusan keduniaan, barulah boleh disabitkan sebagai sudah tidak waras dan dalam keadaan *marad al-maut*.

Hal ini lebih jelas apabila Negeri Selangor juga telah meminda definisi *marad al-maut* pada Enakmen Wakaf Selangor 2015 dan Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 (Pindaan 2016) dengan memasukkan elemen tahap pemikiran pesakit yang berada dalam keadaan tidak waras.

Takrifan yang sama juga dibuat oleh Negeri Sabah dalam definisi *marad al-maut* pada Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sabah 2018.

Walau bagaimanapun, bagi negeri-negeri lain yang belum membuat pindaan pada definisi *marad al-maut*, mungkin isu kewarasan pesakit ini yang tidak disebut dalam definisi *marad al-maut* akan menyebabkan pembuktian *marad al-maut* akan menjadi lebih senang.

Walau bagaimanapun, semuanya terpulang kepada *ijtihad* Hakim Syarie jika tidak mahu terikat secara khusus dalam statut dengan merujuk kepada pandangan ulama' yang memberikan takrifan yang lebih ketat tentang definisi *marad al-maut*.

Penulis kurang bersetuju dengan cara membuat penyenaian sakit-sakit tertentu sebagai sakit *marad al-maut*. Ini adalah kerana mungkin saja sakit tersebut adalah sakit *marad al-maut* pada suatu waktu, tetapi bukan lagi sakit *marad al-maut* pada waktu yang lain kerana sudah terdapat vaksin atau ubat bagi mengubati sakit tersebut

yang menyebabkan tiada lagi kebimbangan pada minda pesakit tentang kematian dirinya.

Ok, setelah faham semua perkara-perkara di atas, maka anda sudah bersedia untuk tulis wasiat anda sendiri.

Pada bab-bab seterusnya, penulis akan bimbing pembaca sekalian tentang dokumentasi wasiat.

Teruskan membaca.

BAB 11 : DOKUMENTASI WASIAT

Dari segi dokumentasi wasiat di negara kita, terdapat pihak yang memang berpegang kepada zahir hadis "*Tiada wasiat kepada waris.*", maka mereka tidak menyatakan pembahagian harta melalui wasiat kepada waris.

Bagi mereka, pembahagian harta melalui dokumentasi wasiat adalah untuk bukan waris sahaja pada kadar tidak melebihi satu per tiga dari keseluruhan harta pewasiat.

Walau bagaimanapun, terdapat pula banyak pihak, termasuk syarikat-syarikat amanah yang meletakkan klausa pembahagian harta kepada waris pewasiat dengan memasukkan syarat bahawa pembahagian tersebut adalah dengan izin waris-waris pewasiat.

Contoh penderafan syarat keizinan waris tersebut adalah seperti berikut:

“Walaupun peruntukan di klausa _____ wasiat ini, pemberian dan pembahagian wasiat saya ini hanya akan terpakai dan dilaksanakan selepas kematian saya sekiranya mendapat persetujuan dan keredhaan semua waris-waris saya. Tetapi sekiranya ada di antara waris-waris saya yang menentang pembahagian yang dibuat dalam wasiat ini, maka hendaklah dibahagikan kepada beliau/mereka hak mengikut Hukum Faraid. Sekiranya semua waris saya menentang pembahagian yang dibuat dalam wasiat ini, maka harta saya hendaklah dibahagikan mengikut Hukum Faraid.”

Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat beberapa negeri yang membenarkan pembahagian harta melalui wasiat kepada waris sendiri walaupun tanpa izin waris faraid yang lain, asalkan pada kadar tidak melebihi satu per tiga ($1/3$) dari nilai keseluruhan harta, terdapat juga penderafan wasiat yang mengambil klausa ini dalam dokumentasi wasiat mereka.

Contoh penderafan yang dibuat adalah sebagaimana berikut:

“Tanpa menafikan hakikat Hukum Faraid sebagai cara pembahagian pusaka yang ditentukan oleh Allah swt DAN saya sedar perbezaan pendapat ulama’ berkenaan pembahagian secara wasiat kepada ahli waris DAN bersandarkan dan berpegang kepada peruntukan Seksyen 26 Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Kelantan) 2009, saya DENGAN INI MEMBERIKAN DAN MEMBAHAGIKAN **Satu Per Tiga (1/3)** daripada harta pusaka saya setelah ditolak segala perbelanjaan yang dinyatakan di dalam Klausula _____ di atas kepada _____ (No. K/P: _____).

BAB 12: PENYAKSIAN DAN PENYIMPANAN WASIAT

Selepas anda sudah tahu bagaimana cara nak tulis wasiat, penulis terangkan pula tentang cara wasiat disimpan.

Contoh tentang penulisan wasiat yang lengkap ada penulis sediakan pada akhir ebook ini.

Selepas anda sudah siapkan penulisan wasiat, anda hendaklah mencari dua (2) orang saksi lelaki Muslim bagi menjadi saksi kepada wasiat yang anda tulis.

Ya, kena cari dua (2) orang. Satu orang tidak mencukupi untuk menjadi saksi. Adalah lebih baik jika anda tandatangan wasiat itu di hadapan saksi-saksi yang anda pilih.

Kenapa dua (2) orang? Sebab memang syarat penyaksian dokumen dalam Islam hendaklah dua (2) orang supaya jika seorang terlupa atau kurang ingatan, seorang lagi sebagai *back up* tentang kesaksian tersebut.

Saksi-saksi ini pula hendaklah di kalangan orang Islam sahaja. Kita tidak mahu dokumen wasiat yang anda sediakan nanti dicabar kesahihannya di Mahkamah Syariah. Jadi, memang syarat kesaksian hendaklah di kalangan orang Islam sahaja.

Saksi-saksi ini pula hendaklah di kalangan lelaki. Jadi, kena dapatkan saksi dua (2) orang lelaki Muslim.

Jika, tiada saksi lelaki, wanita muslimah juga boleh jadi saksi, cuma cara pengiraannya ialah dua (2) orang wanita muslimah bersamaan dengan seorang lelaki muslim.

Jadi, saksi boleh jadi seorang lelaki muslim dengan dua wanita muslimah, atau dua lelaki muslim, atau empat wanita muslimah.

Kenapa bilangan dan jantina kena jadi macam ni? Penulis tidak berhasrat untuk tulis panjang pula tentang syarat kesaksian dalam Islam sebab tujuan ebook ini ditulis adalah bertujuan untuk memastikan wasiat yang anda tulis sendiri adalah sah dan berkuatkuasa.

Perbincangan akademik tentang syarat kesaksian dalam dokumentasi menurut syara' boleh dibaca pada bahan-bahan bacaan yang lain.

Ok, selepas itu tentang penyeteman surat wasiat.

Surat wasiat tidak perlu dimatikan setem. Cukup dengan anda membuat beberapa salinan untuk simpanan saksi-saksi dan simpanan anda. Adalah lebih baik jika salinan-salinan itu adalah tandatangan yang original / asal semua pihak. Selepas itu barulah buat salinan fotostat.

Kenapa tidak perlu matikan setem? Kerana kandungan wasiat boleh diubah dari semasa ke semasa selagi pewasiat tidak meninggal dunia. Jadi, ia tidak perlu kepada penyeteman.

Sebab itulah dalam dokumen wasiat kena tulis tarikh dengan jelas dan batalkan wasiat yang terdahulu sebab dibimbangi akan jadi keliru jika banyak sangat wasiat yang ditulis dengan tarikh yang tidak jelas.

Nanti rujuk di akhir ebook ini tentang contoh surat wasiat.

Sekarang, kita masuk bab penyimpanan wasiat.

Jika ada yang buat sendiri wasiat, jangan pula wasiat tu disimpan di peti simpanan di bank-bank sebab nanti waris tidak boleh buka juga peti simpanan tersebut kecuali selepas dapat perintah Surat Kuasa Mentadbir. Jadi, ini merugikan masa waris. Tujuan kita tulis wasiat adalah supaya harta pusaka kita diuruskan dengan lebih cepat. Kalau simpan kat peti besi di bank, peti besi itu sendiri pun waris tidak boleh buka, jadi penulisan wasiat tidak sempurna dari segi tujuan asalnya.

Selepas dapat Surat Kuasa Mentadbir, pentadbir pergi buka peti simpanan (*safety box*), tengok-tengok ada dokumen wasiat pula.

Jika waris sudah tahu adanya wasiat si mati, lebih baik pentadbir terus pohon geran Probet, lebih menjimatkan masa, berbanding

pohon Surat Kuasa Mentadbir. Penulis huraikan tentang perkara ini pada bab seterusnya dalam ebook ini.

Tulis wasiat itu sudah baik. Simpan wasiat itu pula satu hal yang lain. Yang terbaik adalah gunakan perkhidmatan tulis dan simpan wasiat oleh pihak professional.

Walau bagaimanapun, penulis menggalakkan penulisan wasiat sendiri-sendiri supaya semua orang boleh menulis wasiat sendiri kerana bukan semua masyarakat mampu membayar yuran professional. Ya, berwasiatlah dalam kadar kemampuan masing-masing. Yang penting, ilmu itu kena ada supaya dokumentasi wasiat patuh syariah dan selari undang-undang.

Simpanlah dokumen wasiat di tempat yang selamat dan mudah diakses oleh waris anda selepas anda meninggal dunia.

BAB 13: PENGURUSAN HARTA PUSAKA BAGI KEMATIAN BERWASIAT

Bagi kes kematian berwasiat, wasi yang dilantik oleh pewasiat boleh terus membuat permohonan ke mahkamah tinggi sivil bagi mendapatkan geran probet. Permohonan dibuat melalui saman pemula, disokong oleh affidavit sokongan wasi sebagai pemohon dan diekshibitkan dokumen wasiat dan surat-surat akuan saksi yang mengesahkan kesahihan wasiat.

Hal ini lebih menjimatkan masa berbanding dengan perlantikan pentadbir kerana bagi geran probet, affidavit penolakan oleh semua waris tidak perlu difailkan.

Hal ini juga boleh mengelakkan perbalahan sesama waris tentang siapa yang akan menguruskan harta pusaka si mati sebab perlantikan wasi itu sendiri sudahpun dibuat oleh si mati dalam wasiatnya semasa hidup.

Isu tentang sama ada Akta Probet dan Pentadbiran 1959 juga mengikat orang Islam tidak timbul kerana memang jelas peruntukan undang-undang tidak mengecualikan orang Islam dari tertakluk kepada Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

Senarai 1, Senarai Persekutuan jadual di bawah Perkara 4(e)(i) ada menyebut "...pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat, probet dan surat kuasa mentadbir pusaka...", maka mahkamah sivil berbidangkuasa dalam perkara-perkara ini.

Dalam kes rayuan *Jumaaton & Raja Delila Iwn. Raja Hizaruddin*, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, Dato' Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman mengatakan bahawa Mahkamah Syariah tidak berbidangkuasa mengenai probet dan pentadbiran pusaka kerana ia terletak di bawah bidangkuasa mahkamah sivil berasaskan Senarai 1 ini.

Apabila pentadbir (wasi) telah mendapat geran probet, wasi boleh terus menjalankan arahan-arahan pewasiat contohnya membahagikan 1/3 harta pusaka bagi tujuan amal jariah, membahagikan baki harta

pusaka kepada waris-waris faraid si mati sama ada mengikut pembahagian faraid atau mengikut permuafakatan atau persetujuan sesama ahli waris.

BAB 14: KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan ringkas dalam buku ini, bolehlah penulis simpulkan bahawa pada asalnya wasiat pembahagian harta kepada waris sendiri adalah tidak dibenarkan.

Terdapat beberapa ulama' yang tidak membenarkan pembahagian harta secara wasiat kepada waris sendiri walaupun dengan izin waris faraid yang lain kerana mereka berpegang kepada zahir hadis yang melarang perbuatan tersebut.

Walau bagaimanapun, kebanyakan ulama' membenarkan wasiat pembahagian harta kepada waris sekiranya mendapat izin daripada waris faraid yang lain.

Cumanya perlu diingat tentang keizinan waris faraid yang lain itu hendaklah dikira selepas kematian pewasiat. Ini adalah kerana status sama ada seseorang waris itu adalah waris faraid atau bukan waris faraid hanyalah muktamad apabila pewasiat meninggal dunia, bukan berdasarkan waktu wasiat itu dibuat.

Oleh itu timbullah perbincangan tentang wasiat kepada waris, kemudiannya menjadi bukan waris, dan perbincangan tentang wasiat kepada bukan waris, kemudiannya menjadi waris.

Walau bagaimanapun, di sana terdapat pandangan ulama' yang tetap mengatakan bahawa wasiat pembahagian harta kepada waris faraid tetap sah walaupun tanpa izin waris faraid yang lain asalkan hadnya tidak melebihi dari satu per tiga ($1/3$) daripada nilai keseluruhan harta.

Apa yang lebih menariknya ialah, Negeri Selangor pada tahun 1999 telah menerima pandangan ini, walaupun dikatakan pandangan ini adalah berasal dari pandangan Syiah.

Kemudian penderafan yang sama telah diikuti oleh Negeri Sembilan pada tahun 2004, negeri Melaka pada tahun 2005, dan negeri Kelantan pada tahun 2009. Ketiga-tiga negeri ini membenarkan wasiat kepada waris pada kadar $1/3$ harta walaupun tanpa izin waris faraid yang lain.

Mungkin kerana menyedari bahawa pembaharuan ini menimbulkan sedikit kontroversi, maka Negeri Selangor pada tahun 2016 telah membuat pindaan pada Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 (Pindaan 2016) dengan membuang terus seksyen 26(2).

Seksyen 26(2) inilah yang membawa maksud secara tersirat bahawa wasiat kepada waris adalah dibenarkan walaupun tanpa izin waris faraid yang lain asalkan tidak melebihi kadar satu per tiga ($1/3$) harta.

Oleh sebab Negeri Selangor telah mengambil pendekatan menarik brek tangan (*hand brake*) berkenaan isu ini, maka Negeri Pahang pada tahun 2017 semasa meluluskan Enakmen Wasiat Orang Islam Pahang 2017 telah mengambil pendapat sebagaimana Negeri Selangor selepas pindaan dengan tidak membenarkan wasiat kepada waris tanpa izin waris faraid yang lain walaupun nilai harta kurang satu per tiga ($1/3$).

Apa yang lebih menarik lagi ialah, pada tahun 2018 apabila Negeri Sabah meluluskan Enakmen Wasiat Orang Islam Sabah 2018, Negeri Sabah tidak pula mengikut apa yang diluluskan oleh Negeri Selangor dan Pahang, sebaliknya mengekalkan apa yang diluluskan sebelum itu di Negeri Sembilan, Melaka, dan Kelantan. Negeri Sabah nampaknya lebih cenderung untuk membenarkan wasiat kepada waris pada kadar satu per tiga ($1/3$) harta walau pun tanpa izin dari waris faraid yang lain.

Bagi penulis, pembaharuan undang-undang yang membenarkan pembahagian harta melalui instrumen wasiat kepada waris pada kadar satu per tiga ($1/3$) harta, walau pun tanpa izin waris faraid adalah satu pembaharuan yang positif.

Kita hendaklah mengambil pendapat ulama' yang lebih sesuai dengan situasi masyarakat pada hari ini. Tindakan negeri Selangor yang meminda seksyen 26(2) bagi penulis, adalah tindakan mengundur ke belakang, atau tindakan u-turn yang kurang menguntungkan umat Islam.

Pindaan yang wajib dibuat oleh Negeri Selangor adalah pada seksyen 27(2) dan seksyen 27(3) berkaitan *wasiat wajibah*, dan *Alhamdulillah*, ini sudah pun dibuat lantaran kekeliruan yang jelas dan nyata.

Pindaan pada takrifan '*marad al-maut*' itu juga adalah satu pindaan yang penulis puji. Cumanya pindaan tentang isu wasiat kepada waris pada Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 (Pindaan) 2016 bagi penulis, adalah satu pindaan yang menunjukkan seolah-oleh Negeri Selangor masih belum berani bertindak secara proaktif.

Akhirnya, penulis sediakan contoh surat wasiat bagi pembaca menulis sendiri surat wasiat.

Anda boleh pinda dan sesuaikan kandungan wasiat anda mengikut kesesuaian masing-masing.

Contoh yang diberi adalah sebagai panduan umum sahaja setelah saya yakin para pembaca memahami segala perbincangan yang telah penulis huraikan dalam ebook ini.

BAB 15 : CONTOH SURAT WASIAT

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani

Saya naik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu adalah Pesuruh Allah dan Nabi yang terakhir. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan Salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W.

Ini adalah wasiat terakhir bagi diri saya:

(No. Kad Pengenalan: _____)

yang beralamat / bermastautin di

_____.

Dengan disaksikan oleh saksi-saksi yang bertandatangan di bawah, saya mengakui bahawa saya adalah seorang Islam berada di dalam keadaan sihat dan waras fikiran yang membolehkan saya memahami bentuk wasiat ini dan akibat yang berbangkit daripadanya dengan ini membatalkan semua wasiat yang telah saya buat sebelum daripada ini samada secara bertulis atau lisan dan **MENGISYTIHARKAN BAHAWA** ini adalah wasiat terakhir saya.

Saya mewasiatkan kepada keluarga dan kaum kerabat saya supaya bertaqwa kepada Allah Azzawajalla dan mentaati perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta berdiri teguh di atas Syariah dan Agama Allah seperti yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. untuk hidup dan mati di dalam Agama Islam. Begitu juga saya mewasiatkan bahawa apabila ajal yang ditetapkan Allah ke atas diri saya telah tiba maka Wasi, Pentadbir Pusaka dan Waris saya hendaklah berhati-hati dalam pengurusan dan pentadbiran harta peninggalan saya. Maka saya dengan ini menurunkan wasiat saya seperti berikut:

1. Perlantikan Wasi Dan Wasi Gantian

Saya dengan rela hati melantik
_____ (No. K/P:

_____)

beralamat _____

_____ sebagai Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah bagi harta pusaka saya. Dalam apa jua keadaan di mana Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah di atas telah meninggal dunia atau hilang upaya daripada menjalankan tanggungjawab sebagai Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah, saya melantik Amanah Raya Berhad sebagai Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah Gantian bagi harta pusaka saya di bawah Wasiat saya ini.

2. Perlantikan Wali Harta

Saya dengan ini melantik isteri saya
_____ (No. K/P:

_____) sebagai wali harta bagi

waris kanak-kanak saya.

3. Perlantikan Penasihat Guaman Dan Peguam

Saya juga dengan ini melantik **Tetuan Termizi & Co.** untuk memberi khidmat nasihat undang-undang bagi urusan mentadbir harta pusaka saya hingga selesai. **Tetuan Termizi & Co.**, diberi kebenaran untuk memberi keutamaan mengikut budi bicaranya mempertimbangkan perlantikan mana-mana syarikat guaman yang lain untuk memberikan khidmat guaman (sekiranya perlu) kepada Wasi saya untuk melaksanakan wasiat saya serta memastikan bahawa segala yang saya nyatakan di dalam wasiat ini disempurnakan seberapa segera.

4. Senarai Aset Dan Liabiliti

Saya dengan ini mengarahkan Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah saya untuk berhubung dengan **Tetuan Termizi & Co.**, bagi mendapatkan senarai aset dan liabiliti saya bagi memudahkan urusan pentadbiran harta pusaka saya.

5. Urusan Penyempurnaan Jenazah Dan Pengkebumian

Jika tidak menjadi keberatan kepada Wasi dan waris-waris saya, saya dengan ini meminta supaya disemadikan mengikut budi bicara Wasi saya. Segala belanja pengkebumian dan penyempurnaan jenazah saya hendaklah dijelaskan dengan segera.

6. Pembayaran Zakat Harta, Kaffarah Dan Upah Haji

Saya dengan ini mengarahkan Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah bagi harta pusaka saya untuk melunaskan bayaran Zakat Harta, Kaffarah dan Upah Haji bagi pihak saya sebelum pembahagian harta pusaka saya di bawah hukum Syarak dijalankan.

7. Hutang Yang Perlu Dijelaskan

Hutang saya yang masih tertanggung dan diperakui dengan bukti yang jelas hendaklah dijelaskan. Saya dengan ini memberi kuasa kepada Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah bagi harta pusaka saya, bagi tujuan menunaikan hak pemiutang saya, ke atas hutang dibuat secara lisan atau secara persendirian (tanpa saksi) untuk dijelaskan kepada pemiutang tersebut dengan syarat pemiutang tersebut sanggup mengangkat sumpah dengan nama Allah S.W.T. (sekiranya Islam) atau dengan cara sumpah atau prosedur yang disebut di dalam Al-Quran (bagi bukan Islam) dan diikuti dengan Akuan Bersumpah (Statutory Declaration).

8. Hutang Yang Perlu Dikutip

Penghutang-penghutang saya yang masih belum menjelaskan hutang mereka hendaklah berbuat demikian kepada Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah saya secepat mungkin untuk ditadbirkan sebagai sebahagian daripada Harta Pusaka saya.

9. Penjelasan Fi Pentadbiran Harta Pusaka

Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah saya diberi kuasa untuk menjelaskan segala perbelanjaan bagi pentadbiran harta pusaka saya daripada Harta Pusaka saya.

10. Pemberian secara wasiat

Tanpa menafikan hakikat Hukum Faraid sebagai cara pembahagian pusaka yang ditentukan oleh Allah swt DAN saya sedar perbezaan pendapat ulama' berkenaan pembahagian secara wasiat kepada ahli waris, saya DENGAN INI MEMBERIKAN DAN MEMBAHAGIKAN [tulis harta yang anda ingin wasiatkan] setelah ditolak segala perbelanjaan yang dinyatakan di dalam Klausula 5, 6, 7 dan 9 di atas kepada _____ (No. K/P: _____).

Pemberian dan pembahagian wasiat saya ini hanya akan terpakai dan dilaksanakan selepas kematian saya sekiranya mendapat persetujuan dan keredhaan semua waris-waris saya. Tetapi sekiranya ada di antara waris-waris saya yang menentang pembahagian yang dibuat dalam wasiat ini, maka hendaklah dibahagikan kepada beliau/mereka hak mengikut Hukum Faraid. Sekiranya semua waris saya menentang pembahagian yang dibuat dalam wasiat ini, maka harta saya hendaklah dibahagikan mengikut Hukum Faraid.

11. Cara Pembahagian Baki Harta Pusaka Saya

Baki daripada harta pusaka saya setelah ditolak segala perbelanjaan yang dinyatakan di dalam Klausula 5, 6, 7, 9 dan 10 di atas hendaklah dibahagikan mengikut pembahagian secara Hukum Faraid kepada Waris-Waris saya yang sah dan layak untuk menerima Harta Pusaka tersebut. Senarai Waris-Waris saya pada masa Wasiat ini dibuat dilampirkan dalam **Lampiran 2** bersama-sama Wasiat ini.

12. Agihan Pendahuluan

Saya seterusnya mengarahkan Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah saya agar dalam apa jua sebab harta pusaka saya telah lewat diselesaikan iaitu melebihi Enam (6) bulan dari tarikh permohonan dikemukakan dan walaupun hutang saya belum selesai dibayar keseluruhannya, hendaklah membuat suatu agihan pendahuluan pusaka dengan mengeluarkan suatu jumlah yang difikirkan munasabah sebagai nafkah hidup mana-mana pihak di bawah tanggungan saya. Jumlah tersebut hendaklah kemudiannya dipotong dari bahagian harta pusaka yang akan diterima oleh waris saya semasa agihan akhir dilaksanakan.

13. Kuasa Mutlak Wasi, Pentadbir Dan Pemegang Amanah

Jika terdapat mana-mana Waris saya yang tidak hadir, atau sukar dihubungi atau lain-lain sebab ketidakhadiran (selepas ini dirujuk sebagai Waris Tanpa Hadir) pada bila-bila masa proses pembahagian dijalankan, Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah bagi harta pusaka saya diberi kuasa untuk membahagikan Harta Pusaka saya kepada Waris-waris yang sah dan layak.

14. Bahagian Waris Tanpa Hadir

Bahagian Waris Tanpa Hadir akan dipegang oleh oleh Syarikat Pemegang Amanah yang dilantik oleh Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah saya sehingga dituntut oleh Waris Tanpa Hadir tersebut.

15. Budi Bicara Wasi, Pentadbir Dan Pemegang Amanah

Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah saya diberi kuasa untuk menghimpunkan dan melupuskan harta pusaka saya sekiranya dirasakan perlu mengikut budi bicaranya dan setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa.

16. Pemeliharaan Harta Pusaka Saya

Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah diberi kuasa untuk mengambil polisi takaful yang dirasakan perlu sepanjang tempoh pentadbiran harta pusaka saya dijalankan bagi memelihara dan melindungi harta pusaka saya.

17. Pembentangan Akaun Harta Pusaka Saya

Bagi tujuan ketelusan, saya dengan ini mengarahkan Wasi, Pentadbir dan Pemegang Amanah bagi Harta Pusaka saya untuk membentangkan Akaun pentadbiran Harta Pusaka saya yang telah diaudit dan disahkan oleh auditor berdaftar bagi memastikan hak setiap waris saya dipelihara dan dilindungi pada masa penyelesaian pengagihan harta dibuat.

18. Persepakatan Waris-waris Saya

Saya memohon kepada Allah S.W.T. supaya dalam pembahagian harta pusaka saya, satu persepakatan dan kompromi akan tercapai di antara Waris-waris saya supaya pembahagian tersebut dapat dibuat dengan licin dan harmoni di atas rasa kasih sayang dan silaturrahim yang kukuh.

19. Waris Bertaqwa Kepada Allah S.W.T. Dan Menghidupkan Sunnah Nabi S.A.W.

Saya juga mewasiat dan mengingatkan Waris-waris saya supaya sentiasa di dalam keimanan yang teguh dan bertaqwa kepada Allah S.W.T. dan sentiasa hidup berlandaskan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W.

20. Harta Pusaka Saya Sebagai Pengukuh Hubungan Keluarga

Saya juga memohon kepada Allah S.W.T. agar menjadikan harta pusaka saya sebagai titik percambahan iman, pengorbanan di atas rasa kasih sayang dan asbab pengukuhan silaturrahim di kalangan Waris-waris saya. Saya juga berharap Waris-waris saya tidak akan lupa berdoa kepada Allah S.W.T. memohon supaya dosa saya diampuni dan roh saya sentiasa dirahmati serta ditempatkan di kalangan orang yang soleh/solehah.

21. Peringatan Bagi Yang Lupa

Saya ingin mengingatkan kepada Wasi, Pentabdir dan Pemegang Amanah saya serta waris-warisan saya untuk menunaikan amanah mereka sebaik mungkin dan tidak bersedih ke atas kembalinya saya ke Rahmatullah kerana Insya-Allah kita akan bertemu kembali di Hari Akhirat dan Hari Pembalasan.

Bahagian bawah muka surat ini sengaja dikosongkan

Pihak-pihak yang menyaksikan dan menurunkan tandatangan di bawah:

Ditandatangani dan dicap }

cap ibujari oleh **Pewasiat** }

di atas di hadapan kami dan }

di atas permintaan **Pewasiat** }

kami menurunkan nama-nama}

kami sebagai saksi-saksi di }

dalam Wasiat ini }
(Tandatangan Pewasiat)

(Cap ibujari Pewasiat)

:

.....

Tandatangan Saksi 1 (Islam Lelaki)

.....

Tandatangan Saksi 2 (Islam Lelaki)

SENARAI LAMPIRAN

1.Salinan Kad Pengenalan Pewasiat

1.Senarai Waris Pewasiat Mengikut Hukum Faraid dan Pembahagiannya

1.Salinan Kad Pengenalan dan/atau Sijil Kelahiran Ahli Waris

1.Senarai Hutang Pewasiat

1.Senarai Harta Alih dan Harta Tak Alih Pewasiat

1.Salinan Dokumen Hakmilik Bagi Harta Tak Alih Pewasiat

1.Senarai Takaful Pewasiat

1.Salinan Sijil Takaful Pewasiat

PENUTUP

Penulis berharap para pembaca boleh memahami tentang apa itu wasiat bagi orang Islam dan bagaimana menulis wasiat yang betul.

Tidak menyesal membeli ebook ini. Segala huraian dan contoh penulisan wasiat ada penulis sediakan.

Anda boleh sediakan dokumen wasiat anda dengan sendiri dengan keyakinan yang penuh bahawa ia sah dan berkuatkuasa.

Tidak perlu lagi membayar yuran yang mahal sedangkan anda mampu melakukannya sendiri.

Itulah tujuan dan matlamat saya menulis. Terus membimbing para pembaca. Nantikan siri-siri ebook bimbingan atau panduan saya yang lain.

Sekian.

Tamat.

Mudahnya

Tulis

Wasiat

*Panduan Penulisan Wasiat
Yang Sah Dan Berkuatkuasa*

Ahmad Termizi

Abdullah

